



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang berpengalaman, berkeupayaan dan terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**, Sijil Pendaftaran CIDB, serta Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya sekurang-kurangnya **enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran ini** bagi menyertai sebut harga tersebut :

BI L	TAJUK/NO RUJUKAN SEBUTHARGA	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN/ TAKLIMAT	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1.	PTG.400.5/6/9 JLD.2 Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mengkonfigurasi Kad Akses Keselamatan (Kad Identiti Jabatan) di Pejabat Tanah dan Galian Johor (Kota Iskandar) dan Bahagian kuatkuasa (Larkin)	120401- Alat Keselamatan, Perlindungan Dan Kawalan Perlindungan Dan Kawalan 120501- Kunci, Perkakasan Perlindungan Dan Aksesori Sijil Pendaftaran CIDB -B04	JUAL SEBUT HARGA : 31 Mac 2024 (Ahad) Bermula : 10.00 pagi Tempat : Unit Perolehan dan Aset, Aras G, Pejabat Tanah Dan Galian Johor. TAKLIMAT SEBUTHARGA : 03 APRIL 2024 (RABU) Masa : 11.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Aras 3 Pejabat Tanah Dan Galian Johor.	Tarikh Tutup Sebutharga : 22 April 2024 (Isnin) Pada jam 12.00 tengahari Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dilayan

2. Sesi taklimat akan diberikan kepada penyebut harga dan penyebut harga **DIWAJIBKAN HADIR** pada sesi taklimat tersebut. **Hanya penama** di dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan oleh jabatan ini. Wakil tidak dibenarkan menghadiri taklimat tersebut tetapi dibolehkan membeli dokumen dengan syarat membawa surat wakil daripada syarikat.
3. Dokumen sebut harga boleh dibeli oleh penama atau wakil-wakil penyebut harga dengan syarat membawa dokumen asal dan Salinan **Sijil Pendaftaran CIDB, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, dan **Salinan Sijil akuan Pendaftaran Syarikat yang Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** yang berdaftar di dalam kod bidang berkaitan sebelum dibenarkan membeli dokumen Sebut Harga.

4. Butir-butir dokumen sebut harga boleh dibeli terus mulai **31 Mac 2024 (Ahad) di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor dengan bayaran RM50.00 SENASKAH** dari jam **10.00 pagi hingga 4.00 petang**. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order) dan dibayar atas nama **PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR. Wang tunai atau cek tidak boleh diterima** dan bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis Nombor sebut harga serta Tajuk Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan dalam peti Sebut Harga beralamat seperti berikut :

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR,
ARAS 3, BANGUNAN DATO' MOHAMED SALLEH PERANG,
KOTA ISKANDAR,
79576 ISKANDAR PUTERI, JOHOR.**

6. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor tidak terikat menerima tawaran yang rendah atau tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut harga tersebut.
7. Tawaran yang lewat **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**, dan sebarang pertanyaan berkaitan teknikal selepas taklimat tidak akan dilayan.



.....
HAJI MOHAMMED SHAKIB BIN HAJI ALI
Pengarh Tanah dan Galian
Johor